

17/06/1997

Hashim letak jawatan (HL)

Jamhariah Jaafar; Lukman Salleh

KUALA LUMPUR, Isnin - Jeneral (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali hari ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Bhd (Sukom 98), kerana berasa terhina selepas didakwa lebih mementingkan keuntungan daripada mengadakan promosi besar-besaran untuk Sukan Komanwel tahun depan.

Menurutnya, beliau sudah menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pagi tadi dan akan berkuatkuasa mulai 1 Julai ini, selepas membereskan beberapa urusan, termasuk bertemu wakil Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) di London untuk menjelaskan kedudukannya.

"Selepas memikirkan dengan teliti, saya menyerahkan surat peletakan jawatan saya kepada Pemangku Perdana Menteri. Saya tidak boleh menerima penghinaan seperti itu daripada seorang Menteri Kabinet apa lagi dia seorang Setiausaha Agung Umno.

"Saya menganggap ini sebagai satu penghinaan. Kita menghadapi masalah daripada Kanada, Australia, Britain dan New Zealand, tetapi berjaya menyelesaikannya. Masalah itu memang dijangka kerana mereka orang putih. Tetapi masalah daripada orang kita sendiri? Saya harapkan sokongan padu, tetapi ini..."

"Saya ada maruah. Saya, seluruh keluarga, kakitangan Sukom 98 dan rakan-rakan sejawatan berasa terhina dengan kenyataan seperti itu.

"Saya berharap selepas ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melantik orang seperti Tengku Mahkota Pahang (sebagai Pengerusi Sukom 98). Hanya dengan orang seperti itu, Sabbaruddin tidak akan berani membuka mulutnya lagi," katanya.

Hashim meluahkan perasaan dengan penuh emosi sehingga menitis air mata, dalam sidang akhbar yang diadakan selepas lawatan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin ke bilik Operasi Sukom di Stadium Negara, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Sabbaruddin yang membidas Sukom kerana membelakangkan promosi secara besar-besaran dalam kesibukannya mengumpulkan wang untuk mengendalikan Sukan Komanwel di sini, tahun depan.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata, Sukom tidak boleh meminta pelbagai agensi dan kementerian di negara ini membantu mempromosi kejohanan paling berprestij yang bakal diadakan di Malaysia, tanpa mengeluarkankan sebarang peruntukan.

Segala-galanya berpunca apabila Muhyiddin dilaporkan tidak puas hati dengan publisiti yang dijalankan Sukom 98 setakat ini. Beliau meminta Sukom 98 mencari jalan penyelesaian dan mengarahkan syarikat itu menghantar laporan penuh untuk membolehkannya membentangkan masalah itu di kabinet pada 21 Jun ini.

Bercakap lebih lanjut, Hashim tidak dapat lari daripada melahirkan perasaan kecewa kerana kritikan sedemikian dibuat ketika Dr Mahathir tidak berada di dalam negeri.

"Saya benar-benar keliru dan saya tidak tahu sama ada perkara ini dibuat secara tidak sengaja atau sememangnya sudah dirancang. Mengapa ia dilakukan ketika Perdana Menteri tidak berada di dalam negeri," katanya.

Menjawab soalan, Hashim berkata tindakannya tidak dianggap keterlaluan kerana kritikan itu menghina dan menjatuhkan moral, bukan sahaja dirinya, keluarganya, kakitangan dan teman-teman lain.

Bagaimanapun, bekas anggota tentera selama 39 tahun itu menafikan dia langsung tidak boleh dikritik, tetapi biarlah dibuat berdasarkan fakta.

"Biar saya ingatkan bahawa ketiga-tiga ketua setiausaha kementerian yang mengkritik saya (Kementarian Belia dan Sukan, Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan) adalah antara wakil di dalam jawatankuasa Sukom 98.

"Mereka hadir mesyuarat setiap bulan, tetapi mungkin tidak melaporkan sebarang perkembangan kepada kementerian masing-masing atau menteri yang tidak mahu mendengar.

"Ini semua sudah menjadi seperti satu permainan biliard. Saya keliru dan tertanya-tanya siapa yang bermain biliard dengan menjadikan Sukom 98 sebagai bolanya," tegasnya.

Menjelaskan dakwaan Sabbaruddin bahawa semua kakitangan Sukom 98 menerima gaji lumayan dan naik kapal terbang kelas pertama, Hashim berkata:

"Hanya saya layak nak kapal terbang kelas pertama dan Ahli Lembaga Pengarah Sukom 98 yang keluar negara atas urusan rasmi syarikat ini.

"Mengenai gaji lumayan kakitangan, ia sudah diluluskan oleh Perdana Menteri ketika membentuk syarikat ini pada 1993. Ketika mengemukakan kumpulan gaji, saya menegaskan "if you give peanuts, you gets monkeys" (jika memberi kacang, anda sekadar mendapat monyet).

(END)